



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENCAPAI PEMATUHAN 100% PENGISYTIHARAN ASET

Pencapaian sejajar dengan Tema Hari Kebangsaan 2019 "Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih"

Kuala Lumpur, 27 Ogos 2019: Seramai 631 warga kerja Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mempunyai sebab untuk menyambut keraian berganda pada Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Di samping meraikan kemerdekaan negara yang ke 62, MRT Corp juga berbangga untuk mengumumkan akan usahanya baru-baru ini untuk mendapatkan para warga kerja mengisytiharkan aset mereka telah mencapai 100% pematuhan.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Encik Abdul Yazid Kassim berkata ini adalah satu pencapaian penting kerana MRT Corp merupakan sebuah syarikat milik kerajaan yang diamanahkan dengan berbillion ringgit untuk melaksanakan projek.

"Ia adalah penting bagi syarikat untuk telus dalam segala urusannya dan pengisytiharan aset merupakan langkah anti-rasuah yang berkesan. Ini juga akan membantu untuk memulihkan keyakinan orang ramai dan tidak memberikan ruang kepada individu yang korup untuk menggunakan pengaruh dan menyalahgunakan jawatan mereka untuk menerima ganjaran kewangan. Ia juga selaras dengan aspirasi Pelan Integriti Nasional," kata beliau.




Usaha yang dijalankan oleh Jabatan Sumber Kemanusiaan Strategik syarikat bersama dengan Unit Integriti MRT Corp, mengkehendaki warga kerja untuk mengisytiharkan kesemua pendapatan, aset dan libiliti mereka dan juga pemasangan mereka kepada syarikat.



Yazid berkata bahawa usaha itu telah dijalankan untuk membantu mencegah penyalahgunaan kuasa, menghapuskan rasuah, meningkatkan ketelusan, kebertanggungjawapan dan amanah di MRT Corp. Ia merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MRT Corp untuk membina budaya integriti dan tadbir urus yang baik bukan sahaja di kalangan warga kerja tetapi juga semua pihak luar yang terlibat dalam projek.

“Saya begitu gembira di atas pencapaian ini yang akan memberi erti kepada tema Hari Kebangsaan pada tahun ini, iaitu Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih. Usaha ini merupakan komitmen syarikat kepada seruan Kerajaan untuk Malaysia Bersih,” katanya.

-tamat/-

PICTURE CAPTIONS

No	Photo	Caption	Kapsyen
1		<p>INDEPENDENCE: In the spirit of Independence Day, MRT Corp wishes all Malaysians Selamat Menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2019.</p>	<p>MERDEKA: Dengan semangat Hari Kebangsaan, MRT Corp mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2019 kepada semua rakyat Malaysia.</p>
1A			
1B			

2		<p>MILESTONE: The recent tunnel breakthrough at the Hospital Kuala Lumpur Crossover, signifies another milestone achieved in the nation's journey towards becoming a developed nation.</p>	<p>KEJAYAAN: Penembusan terowong baru-baru ini di Persilangan Hospital Kuala Lumpur, menandakan satu lagi kejayaan yang dicapai dalam perjalanan negara ke arah menjadi sebuah negara maju.</p>
3		<p>FOR THE NATION: The engineers at the Bandar Malaysia North MRT Station site working towards the completion of the project.</p>	<p>DEMI NEGARA: Para jurutera di tapak Stesen MRT Bandar Malaysia Utara bekerja keras menyiapkan projek.</p>

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my